

Mendokumentasikan wacana akademia

BERITA HARIAN
21/8/2017 p. 21

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]



Zakri (tengah) melancarkan buku *Transformasi Kepemimpinan Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia* pada program Wacana Akademia di UPM, Serdang, baru-baru ini.

Serdang: Keputusan penerbitan buku *Transformasi Kepemimpinan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia* tepat pada masanya kerana ia dapat memperhalusi intipati perbincangan dalam wacana akademia secara lebih mendalam.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata penerbitan itu sekali gus mendokumentasikan wacana akademia sebagai buku yang boleh dibaca dan dirujuk pada masa akan datang.

Beliau berkata, buku terbitan Penerbitan UPM itu adalah bertitik tolak daripada penganjuran program Pemerkasaan Kepemimpinan Pendidikan Tinggi di media oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan UPM.

Katanya, program ini dijayakan melalui lima episod Wacana Akademia yang disiarkan dalam Radio Televisyen Malaysia (RTM) sepanjang Mei 2015.

jang Mei 2015.

Kepentingan nilai keserakanan

“Lima episod itu mengupas mengenai tajuk Pendidikan Tinggi Pemacu Negara Berpendapatan Tinggi, Kepemimpinan dan Tadbir Urus IPT Ber taraf Dunia, Bakat dan Kepemimpinan, Pemantapan Kepemimpinan TVET serta Kepemimpinan dan Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Wacana Akademia dan Pelancaran Buku *Transformasi Kepemimpinan IPT di Malaysia*, di sini, baru-baru ini.

Majlis perasmian program wacana itu disempurnakan oleh Penasihat Sains Kepada Perdana Menteri, Prof Tan Sri Zakri Abdul Hamid.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Prof Emeritus Tan Sri Dr Anuwar Ali; Pengerusi

Lembaga Penasihat AKEPT, Tan Sri Wan Zahid Wan Mohd Nordin; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Noor Azizi Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr Raduan Che Rose.

Siri Wacana Akademia sebelum ini membabitkan 15 ahli panel terdiri daripada pemimpin akademik dari kementerian, universiti dan institusi termasuk Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang, Prof Dr Mohd Majid Konting, Prof Dr Mohamad Kamal Harun, Prof Emerita Tan Sri Dr Syarifah Habsah Syed Shahabuddin dan Prof Datuk Dr Hassan Said.

Aini berkata, beliau percaya penerbitan buku yang dihasilkan melalui kerjasama panel daripada pelbagai universiti awam (UA) termasuk politeknik itu membuktikan kepentingan nilai keserakanan yang tinggi dalam usaha mencapai kecermerlangan bersama.